

## Kaedah Pengeluaran melalui online (e-Pengeluaran):



e-Pengeluaran merupakan penghantaran permohonan pengeluaran secara online melalui laman web KWSP bagi ahli yang mempunyai i-Akaun.

### Langkah 1

Log in ke i-Akaun ahli, klik Tab Pengeluaran, e-Pengeluaran dan klik Permohonan Baru untuk memulakan transaksi.

### Langkah 2

Semak status permohonan melalui SMS atau Mesej Sekuriti Inbox di i-Akaun.

### Langkah 3

Hadir di mana-mana cawangan KWSP bagi pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) bersama dokumen sokongan yang telah ditetapkan oleh pihak KWSP. Tujuan pengecaman ini adalah bagi menentukan kesahihan identiti ahli sebagai pemohon dan menurunkan CIJ pada notis pengesahan sebagai bukti mengemukakan permohonan.

#### Nota:

Ahli diberi tempoh selama empat belas (14) hari untuk hadir di kaunter KWSP dari tarikh Mesej Sekuriti yang dihantar ke *inbox* i-Akaun dan tarikh akhir untuk proses pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) juga dimaklumkan melalui SMS. Jika ahli tidak hadir dalam tempoh tersebut, permohonan akan dibatalkan secara automatik.

## Tempoh Masa Bayaran

- KWSP akan memproses permohonan yang lengkap dalam tempoh tidak melebihi 15 hari bekerja dari tarikh ahli hadir ke Kaunter KWSP untuk pengecaman Cap Ibu Jari (CIJ) dan penyerahan dokumen sokongan.



## Maklumat Mengenai i-Akaun

### Pendaftaran i-Akaun

- Dapatkan Kod Pengaktifan i-Akaun (6 digit) melalui:
  - Pusat Panggilan KWSP 03-8922 6000
  - Kiosk KWSP
  - Kaunter KWSP
- Aktifkan i-Akaun di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) menggunakan Kod Pengaktifan tersebut dalam tempoh 30 hari.
- Log in dan akses.

### Lupa ID Pengguna/Kata Laluan?

- Layari [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) dan gunakan fungsi 'Lupa ID Pengguna/Kata Laluan'.
- Nombor telefon perlu didaftarkan dahulu melalui Pusat Panggilan KWSP, mana-mana kiosk atau Kaunter KWSP. TAC (*Transaction Authorisation Code*) akan dihantar melalui SMS.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi saluran di bawah:

### Saluran PTPTN

- Melalui Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)).
- Pejabat Cawangan PTPTN berhampiran.
- Careline PTPTN 03-2193 3000.

### Saluran KWSP

- Melalui i-Akaun ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)).
- Pejabat KWSP berhampiran.
- Pusat Panggilan KWSP 03-8922 6000.



# Anda mempunyai simpanan dalam KWSP?

Bayaran balik pinjaman PTPTN kini lebih mudah melalui e-Pengeluaran KWSP  
**Daftar i-Akaun KWSP sekarang!**



**Bayaran Balik Anda Menentukan Jaminan Pinjaman Untuk Generasi Akan Datang**

[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

## Pengenalan

- Peminjam/ibu bapa peminjam (ahli akaun) boleh mengeluarkan Akaun II KWSP untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN.
- Peminjam boleh memilih untuk membuat pengeluaran keseluruhan/sebahagian dari Akaun II KWSP untuk bayaran balik pinjaman.



## Syarat-Syarat Pengeluaran KWSP

### i Pengeluaran daripada Akaun II peminjam:

- Perjanjian pinjaman pendidikan yang ditandatangani pada atau selepas 2 Januari 2001 (Peringkat Diploma dan ke atas sahaja).

### ii Pengeluaran daripada Akaun II ibu/bapa peminjam (ibu/bapa peminjam adalah ahli):

- Perjanjian pinjaman pendidikan yang ditandatangani pada atau selepas 1 April 2000 (Peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja).
- Perjanjian pinjaman pendidikan yang ditandatangani pada atau selepas 17 Januari 2006 (Peringkat Diploma sahaja).

\* Semua peraturan dan polisi bagi tujuan pengeluaran KWSP untuk bayaran balik pinjaman pendidikan adalah tertakluk kepada pihak KWSP.

## 5 Langkah Mudah Pengeluaran KWSP



### 1 Daftari i-Akaun di:

- Pusat Panggilan KWSP  
03 - 8922 6000
- Kiosk KWSP
- Kaunter KWSP



### 2 Hubungi Careline PTPTN

03 - 2193 3000

Dapatkan baki pinjaman

3

### Mohon pengeluaran KWSP

Secara *online* (e-Pengeluaran)  
Pastikan nama program sama seperti transkrip



4

### Semak status permohonan

melalui SMS/Mesej Sekuriti *inbox* di i-Akaun

Dalam tempoh 4 hingga 14 hari bekerja selepas permohonan dibuat

5

### Hadir ke KWSP

Bersama dokumen sokongan yang ditetapkan (salinan surat tawaran IPT/transkrip/skrol)



Pengenalan | Syarat-Syarat Pengeluaran KWSP | 5 Langkah Mudah Pengeluaran KWSP



[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Tingkat Bawah, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03 - 2193 3000  
Aduan Online: [icare.ptptn.gov.my](http://icare.ptptn.gov.my)

Hubungi saya untuk pertanyaan/rundingan:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) [twitptn](https://twitter.com/twitptn) [instaptptn](https://www.instagram.com/instaptptn)

\*Maklumat tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh PTPTN  
\*Tarikh dikemas kini: September 2016